

## Rekabentuk Universal Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional

Mohd Zulfadly Othman, Aminuddin Awang Kechik, Aishah Ghazali, Rohana Hamzah, Muhammad Sukri Saud

### ABSTRAK

Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia telah mengalami beberapa siri perubahan polisi dan dasar sejak daripada sejarah penubuhannya sehingga kini memperlihatkan usaha kerajaan Malaysia untuk melonjakkan PTV sebagai institusi kecemerlangan yang mampu untuk melahirkan modal insan unggul yang mampu mengadaptasi segala perubahan globalisasi. Namun, di sebalik pelbagai kemajuan dan pencapaian yang telah diperoleh PTV dalam proses reformasinya ke arah mencapai matlamat 2020, pelbagai masalah dan isu telah wujud dan menjadi cabaran kepada pelaksanaan PTV di Malaysia. PTV dalam usaha untuk meningkatkan kualiti institusi secara keseluruhan dan untuk mengekalkan keyakinan rakyat pada tahap yang lebih tinggi terhadap keunggulan sistem pendidikan negara memerlukan aspek tadbir urus, sumber pembiayaan, pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi terutamanya kurikulum, kokurikulum dan pedagogi yang mantapkan supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan dalam menangani cabaran globalisasi dan perubahan teknologi yang dinamik. Kurikulum PTV yang dilaksanakan di Malaysia harus diletakkan pada posisi yang betul dan perlulah bertepatan dengan keperluan untuk menjelmakan watak yang indah dan unggul, serta berkeupayaan untuk memperkembangkan seluruh potensi manusia. Oleh itu, artikel ini mengulas beberapa isu yang menjadi cabaran PTV dan membincangkan beberapa punca yang menjadi faktor penghalang kepada pelaksanaan kurikulum PTV yang cemerlang dan seterusnya mencadangkan rekabentuk universal yang sepatutnya dijadikan sebagai landasan kepada pembentukan kurikulum PTV yang berkesan.

**Kata Kunci:** Rekabentuk, kurikulum, universal, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), isu, perubahan.

### ABSTRACT

*Technical and Vocational Education (TVE) system in Malaysia has been experiencing a series of policies and policy changes since the historical inception to date show the government efforts to boost TVE as an institution of excellence that able to superior human capital that can adapt to any changes of globalization. However, in spite of the progress and achievements has been obtained by TVE in the reform process towards a 2020, various problems and issues were present and a challenge to implementation of the TVE in Malaysia. TVE in an effort to improve the quality of institution as a whole and to maintain public confidence in a higher level of excellence of the education system requires aspects of governance, funding, teaching and to encompass the particular curriculum, the curriculum and establish pedagogy to become more competitive and resilient in addressing the challenges of globalization and technological change the dynamic. TVE curricula are implemented in Malaysia should be placed in the correct position and should be consistent with the need to transform beautiful and distinctive character, and ability to develop all human potential. Therefore, this article comments on several issues that challenge TVE and discuss some of the factors that became barrier to the implementation of the excellent TVE curriculum and further suggests that universal design should be use as a basis for effective development of TVE curricula.*

**Keywords:** Design, curriculum, universal, Technical and Vocational Education (TVE), issue, changes.

## Pengenalan

Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia dirangka sebegitu rupa bagi mencorakkan sebuah negara yang berdaya maju, berteknologi, mampu bersaing di peringkat global, dihormati dan berjaya. Namun kurikulumnya perlu dipastikan agar berkeupayaan untuk menyampaikan ilmu yang mampu membangunkan pemikiran dan hati. Sidek (2006) dan Tajul Ariffin (1993) secara sinis mengatakan bahawa sistem kurikulum moden yang hanya memberikan fokus kepada pemberian maklumat, pengetahuan untuk diingat dan dilatih tubi, selain pembinaanya yang hanya berkisarkan kepada perhubungan di antara realiti dan kognitif sahaja menjadi antara punca kegagalan sistem pendidikan di sesebuah negara.

Menurut Khurshid Ahmad (1974), kurikulum di sekolah masih berfokuskan kepada pembangunan intelek pelajar sehingga mengabaikan keperluan kepada perkembangan watak dan sahsiah pelajar. Perkara ini seterusnya memperlihatkan kurikulum pada masa kini masih belum kukuh untuk membentuk kesatuan universal berdasarkan kepada epistemologi tuhan yang satu. Selaras dengan itu, PTV mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, cendekiawan, kesarjanaan, pekerja mahir dan separa mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Dalam era k-ekonomi, peranan PTV perlu berubah ke arah menyediakan insan yang berketerampilan melalui pembangunan kurikulum yang relevan, ahli akademik yang berwibawa dan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan kepada pembinaan jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar.

## Definisi Istilah

Sebelum diolah dan digarap idea menjadi rencana, perlulah satu pengenalan kepada pengertian bagi setiap ungkapan perlu difahami. Justeru, penulis akan memberikan definisi berpandukan bahasa dan istilahnya:

- i) **Rekabentuk** - diterjemahkan sebagai hasil akhir dari sebuah proses kreatif dan inovatif, sama ada sebagai sebuah rencana, kertas kerja, persembahan, permodelan atau produk berbentuk objek nyata.

- ii) **Universal** - pinjaman dari perkataan Inggeris yang asalnya universal yang bermaksud kesemuanya atau sejagat. Dari segi istilahnya membawa maksud umum, keseluruhan atau kesemuanya di dunia.
- iii) **Kurikulum** – berasal daripada perkataan Latin (*Curriculum*) yang bermaksud kursus atau bidang pengajian. Hassan Langgulung (1991) menyimpulkan kurikulum sebagai pengetahuan yang dikemukakan oleh guru, sekolah, atau pedagogi pelajaran bagi membentuk mata pelajaran tertentu mengikut bidang.
- iv) **Pendidikan Teknik dan Vokasional** - Pendidikan yang menyediakan pelajar untuk pekerjaan dan kehidupan, memenuhi keperluan firma dan industri, menyediakan tenaga mahir dan separa mahir.

### **Status Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia**

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) telah bermula di Malaysia dengan penubuhan Laporan Razak pada tahun 1956 dan Ordinan Pendidikan pada tahun 1957. Kemudian diikuti dengan beberapa siri memorandum dan penggubalan dasar seperti Penyata Rahman Talib, Akta Pendidikan 1961, Laporan Mahathir 1979, Laporan Kabinet 1995, 1998 dan 1999 telah meletakkan asas yang kukuh kepada pelaksanaan polisi, sistem, halatuju dan kurikulum PTV di Malaysia (Mustapar dan Ahmad, 2007). Hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 menyaksikan pelbagai perubahan telah berlaku dalam PTV seperti berikut;

- i. Penstrukturan semula Sekolah Menengah Teknik kepada Sekolah Menengah Vokasional.
- ii. Perubahan visi dan misi politeknik dan kolej komuniti dalam Pelan Strategik 2005-2010 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- iii. *Third Outline Perspective Plan* (OPP3) 2001-2010, Rancangan Malaysia ke-Lapan (2001-5) dan Rancangan Malaysia ke-Sembilan (2006-10) sebagai rangka reformasi PTV ke arah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam tempoh yang sama juga, 25 kolej komuniti dan 7 politeknik telah ditubuhkan.
- iv. Memperkenalkan 22 subjek vokasional di sekolah akademik harian yang terdiri daripada lima kluster utama.
- v. Struktur kurikulum baru jurusan vokasional pada tahun 2006 diperkenalkan dengan menggunakan pendekatan modular.

Sharil dan Habib (1999), dan Muhamed Rashid (2002)

Namun di sebalik pelbagai kemajuan dan pencapaian yang telah diperoleh PTV dalam proses reformasinya ke arah mencapai matlamat 2020, pelbagai masalah dan isu telah wujud dan menjadi cabaran kepada pelaksanaan PTV di Malaysia. Antaranya ialah institusi PTV masih dianggap sebagai pendidikan kelas kedua di kalangan masyarakat Malaysia, keupayaan kurikulum PTV dalam memenuhi keperluan industri serta pelbagai isu lain yang dilihat sukar untuk ditangani sehingga kini (Sharil dan Habib, 1999).

Selain itu, keberkesanan guru dalam menyampaikan kandungan kurikulum juga merupakan antara isu yang sering dipersoalkan kerana guru sebagai pemangkin dalam kejayaan institusi PTV. Tajul Ariffin (1993) dalam bukunya *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia* mempersoalkan keberkesanan penerapan nilai oleh guru dalam implimentasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Antaranya seperti persoalan mengenai penghayatan guru terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang perlu diserapkan ke dalam pengajaran di sekolah serta persoalan mengenai kemahiran guru untuk menjalinkan pengajaran kemahiran dan teori kemanusiaan dengan nilai rohani dan epistemologi ketuhanan.

Walaupun pelbagai dasar dan akta telah dilaksanakan antaranya seperti rancangan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 memberikan penekanan kepada pembangunan pendidikan tertiar bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran selain memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan namun, pelbagai isu dalaman masih timbul sepertimana persoalan-persoalan yang telah diterbitkan oleh Tajul Ariffin (1993);

“Perkara yang diutarakan di sini ialah kenapa setelah sekian lama sejak merdeka, matlamat pendidikan masih tidak tercapai? Kenapa masih ramai siswa/siswi menganggur? Mengapa Rukun Negara belum dihormati sepenuhnya? Mengapa perpaduan kaum masih belum terbina?”

Menurut Muhammad Syukri (2002) masalah dan cabaran pembangunan pada masa kini sering dianalisis secara mendatar iaitu hanya melibatkan perhubungannya dengan manusia dan alam sekitar tanpa mengambil kira analisis secara menegak iaitu dengan mendasari prinsip ketuhanan. Isu ini sebenarnya memperlihatkan bahawa sistem pendidikan negara lebih jika

dilihat dengan teliti masih banyak tertumpu kepada analisis mendatar sebagai satu cara untuk mengatasi cabaran yang wujud. Sebagai contoh, enam strategi yang digunakan oleh Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional (BPTV) masih lagi bersifat mendatar (Jadual 2.1).

<b>Strategi</b>	<b>Pendekatan</b>
Pertama	Kurikulum PTV harus menghubungkan elemen teknologi maklumat dan komunikasi, inovasi dan kreativiti agar pelajar lepasan PTV berdaya saing dan tidak tercicir apabila memasuki bidang pekerjaan dan menaikkan nama bidang kemahiran secara tidak langsung.
Kedua	Meningkatkan hubungan industri dan badan profesional agar pelajar mendapat pengalaman sebenar di tempat kerja melalui program yang dijalankan
Ketiga	Memperkasakan konsep <i>School Enterprise</i>
Keempat	Memperkenalkan aliran asas kemahiran mulai Tingkatan 1 dalam Rancangan Malaysia ke-Sepuluh
Kelima	Penjenamaan semula ( <i>Rebranding</i> ) nama sekolah menengah teknik dan vokasional dengan memperluaskan aliran vokasional dan kemahiran di sekolah harian biasa
Keenam	Memantapkan jalinan hubungan dengan institut pengajian tinggi awam dan swasta, serta agensi latihan awam dan swasta untuk pembangunan PTV.

**Jadual 2.1** Pendekatan melonjakkan institusi PTV melalui implimentasi enam strategi utama BPTV (BPTV, 2010)

Bangsa dan negara yang gemilang tidak hanya bergantung kepada kemampuan fizikal yang bercorak materialistik dan teknologi sahaja, namun perlu membina kekuatannya berdasarkan kepada budaya ilmu yang mulia dan perlu memenuhi matlamat pembangunan diri insan secara menyeluruh (Tajul Ariffin, 1993). Namun, Sharil dan Habib (1999) menyatakan bahawa PTV di Malaysia seharusnya diolah supaya menghasilkan pekerja yang mempunyai etika dan budaya kerja, serta daya produktiviti tinggi untuk membantu sektor perindustrian negara. Jika dilihat dengan teliti, matlamat PTV sebegini kurang mengambilkira kesepaduan di antara ilmu akal dengan ilmu ketuhanan, antara akidah dan tauhid sebagai paksinya sedangkan kurikulum sepatutnya merupakan kesatuan tiga dimensi Tuhan, manusia dan alam sepertimana yang ditekankan oleh Tajul Ariffin (1993).

Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK10) yang telah diumumkan telah memperuntukkan kewangan yang besar bagi memenuhi keperluan dan kebolehan pelajar, sekolah menengah teknik dan vokasional (SMT/SMV) yang akan diperluas, serta sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti sekolah yang sedia ada (BPTV, 2010). Perlu ditekankan agar kemudahan-kemudahan yang akan disediakan ini digunakan dengan sebaiknya dalam usaha untuk membina institusi PTV yang bersifat universal dengan meletakkan prinsip asas manusia sebagai hamba kepada Penciptanya dan peranan manusia sebagai pemimpin kesejahteraan. Pernyataan Sidek Baba (2006) mengenai kelemahan dalam etika pembangunan ilmu dan pendidikan Barat yang bertunjangkan kepada sains dan teknologi perlu diteliti oleh semua pihak.

“Antara asas-asas dinamik pendidikan dalam sesebuah negara yang dikatakan maju ialah kepesatan ilmu sains dan teknologi. Ilmu ini menjadi fokus utama sehingga perbelanjaan yang besar diperuntukan bagi memastikan ia terus berkembang.

...Namun, ternyata masih ada kekurangan dalam ilmu sains dan teknologi Barat. Ini kerana mereka menolak nilai-nilai rabbani (prinsip ketuhanan) dan etika dalam pembangunan ilmu dan pendidikan.

...Akhirnya, agenda pembangunan dan perubahan terhadap manusia dan dunia berkembang hanya ingin beradu tenaga, memonopoli material yang ada serta keangkuhan menurut hawa nafsu.” (Sidek Baba, 2006)

Memandangkan sejak asasnya pelaksanaan kurikulum pendidikan khususnya PTV dilihat lebih terbentuk secara serpihan dan tidak menyeluruh sehingga menjadi punca kepada perbezaan dalam proses penyempurnaan matlamat, visi dan misinya, maka pelbagai cabaran yang berhubung dengan sosiobudaya, ekonomi, dan kemelut dalam perkembangan ilmu pengetahuan sains dan teknologi tidak mampu ditangani dengan baik pada zaman ini (Muhammad Syukri, 2002). Hasrat untuk menghasilkan kurikulum PTV yang unggul dan bersepadu tidak akan tercapai selagi tiada kesatuan di antara pemikiran dan tindakan iaitu pemikiran yang hanya menjurus kepada perkara ideal berbanding dengan perkara realiti serta tindakan yang ditunjangkan kepada prinsip intelektual sahaja (Al Attas dalam Wan Mohd Daud, 2005).

## **Keperluan untuk Berubah**

Kenapa kurikulum PTV pada masa kini perlu berbeza berbanding dulu? Jawapan kepada persoalan ini amat mudah. Hari ini skop dunia pekerjaan berbeza berbanding dulu. Tamadun manusia telah mengalami anjakan daripada era perindustrian kepada era teknologi maklumat dan daripada domestik kepada ekonomi peringkat global. Sudah pasti masyarakat perlu disediakan dengan paradigma baru bagi memastikan mereka mampu mengadaptasi secara harmoni perubahan dramatik globalisasi. Jika sebelum ini, setiap pekerja hanya perlu melaksanakan kerja dan tugas yang telah diarahkan majikan dengan sempurna namun kini, selain perlu menyempurnakan prosedur tugas mereka, pekerja yang dilihat cemerlang adalah mereka yang boleh mengambil bahagian dalam pembangunan organisasi, boleh mempelajari pelbagai kemahiran baru dan memperkembangkannya untuk kepentingan organisasi.

Pespektif sejarah ketamadunan dunia membuktikan tidak pernah wujud satu kerangka tindakan yang kekal bagi membangunkan sesebuah institusi pendidikan dan perlu sentiasa berubah mengikut peredaran zaman sesuai dengan pemikiran dan tuntutan semasa (Abdullah, 2009). Kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional jika dilihat dengan teliti telah bermula pada tahun 1925 dengan penubuhan sekolah pertukangan di Kuala Lumpur, diikuti dengan pembinaan sekolah yang sama pada tahun 1929 hingga 1934 di Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru (Mohamed Rashid, 2002). Sejak daripada itu perubahan demi perubahan telah dilaksanakan dan di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9), kini terdapat lebih 90 buah sekolah teknik dan vokasional di Malaysia.

Penubuhan pernyataan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1987 sebagai usaha mencapai matlamat pendidikan merupakan landasan yang menjadi keutamaan dalam pembentukan kurikulum pendidikan termasuklah sistem PTV. Melalui pelaksanaan pernyataan FPN, kurikulum PTV yang digubal dilihat mempunyai keupayaan untuk melahirkan manusia yang berkemahiran tinggi, membina keimanan, kerohanian, akhlak, sikap, pemikiran dan emosi yang menyeluruh (Tajul Ariffin, 1993). Namun, proses pembaharuan dan perubahan kurikulum PTV yang dilaksanakan bermula daripada sejarah penubuhannya sehingga kini dengan acuan pemodenan dan tuntutan globalisasi memperlihatkan kerapuhan yang wujud antara jalinan sistem PTV dan landasan nilai FPN.

Berbanding dengan corak kurikulum tradisional, Tajul Ariffin (1993) menegaskan bahawa pembinaan kurikulum pendidikan moden hanya berkisar kepada hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan faktor alam persekitarannya, tanpa mengubungkan hubungan manusia dengan faktor persekitarannya. Unsur-unsur penting menurut Sharil dan Habib (1999) bagi membangunkan negara adalah berdasarkan kepada kepakaran manusia sahaja merupakan antara paradigma yang dilihat secara beransur-ansur mewujudkan jurang kesepaduan diantara ilmu akal dan ilmu wahyu. Bertentangan dengan konsep kurikulum yang ditekankan oleh Tajul Ariffin (1993), menurut mereka lagi, hasrat Wawasan 2020 hanya akan mampu direalisasikan dengan menumpukan kebolehan, kemahiran dan daya usaha pembangunan sumber tenaga manusia khususnya dalam bidang teknik dan vokasional.

Menurut Al Attas dalam Wan Mohd (2005), ilmu pengetahuan masa ini, secara keseluruhannya dibangun, ditafsir dan diarahkan melalui pandangan alam, kerangka intelektual dan peradaban barat yang seterusnya menyumbang kepada pemisahan antara realiti dan kebenaran. Berdasarkan kepada kenyataan Sharil (1999) dan Mohamed Rashid (2002), pembaharuan kurikulum PTV di Malaysia dilihat lebih banyak memformulasikan sistem pendidikan barat sebagai penanda aras keberkesanaan perlaksanaannya dan sebagai pendekatan untuk membangunkan PTV. Sebagai contoh, implimentasi *National Dual Training System* (NDTS) dan *National Technical University System* ke dalam sistem PTV di Malaysia adalah berdasarkan kepada kejayaan model PTV di German dan Hong Kong (Wan Ahmad, 2007).

Dilema yang kian meruncing ini turut terbukti melalui Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah disiapkan pada Julai 2005 apabila mengakui wujudnya dua pemikiran yang berbeza yang mempengaruhi kumpulan penggubal dasar pendidikan di Malaysia. Petikan laporan mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

“Wujud dua pemikiran yang saling bertentangan dan sekali gus mempengaruhi penggubal-penggubal dasar mengenai matlamat pendidikan. Pemikiran pertama ialah pendidikan untuk memenuhi objektif utilitarian, manakala pemikiran kedua ialah pendidikan untuk pembangunan manusia dan perkembangan ilmu. Polemik antara dua



aliran pemikiran tersebut menjadi semakin ketara dengan wujudnya fenomena pengangguran di kalangan siswazah di negara ini.” (Abdullah, 2009)

Situasi yang melanda PTV di Malaysia pada masa kini secara tidak langsung selari dengan kenyataan Al Attas terhadap orientasi ilmu pada masa kini yang berdasarkan kepada peniruan terhadap drama dan tragedi yang dianggap sebagai realiti sejagat dalam kehidupan spiritual atau kehidupan manusia dengan menjadikan drama dan tragedi tersebut sebagai unsur hakiki dan berpengaruh dalam jati diri dan kewujudan manusia (Wan Mohd, 2005). Tidak dapat dinafikan bahawa pengisian pelaksanaan dan pembaharuan kurikulum dengan mencontohi kejayaan sistem PTV negara lain sangat penting sebagai perletakan asas ke arah kelestarian PTV di Malaysia. Namun, dalam proses implimentasi kurikulum berdasarkan kepada model negara lain, norma masyarakat dan nilai universal perlulah dipertimbangkan untuk dijalinan secara harmoni ke dalam pelaksanaan kurikulum PTV pada masa kini sepertimana pendekatan yang disarankan oleh Tajul Ariffin (1993) untuk meletakkan kesepaduan akal dan jasad, akal dan wahyu, juga kesepaduan sains dan agama sebagai teras pembentukan kurikulum universal.


### **Rekabentuk Universal Kurikulum PTV**

Dasar pendidikan perlu dikaji semula agar kurikulum negara mampu melahirkan rakyat yang seimbang peribadi daripada aspek ilmu, iman dan amal. Matlamat dasar pendidikan yang memberikan fokus kepada PTV untuk memberikan peluang belajar kepada semua dan untuk membantu penghasilan keperluan tenaga mahir negara secara umumnya masih belum mampu untuk membentuk tamadun manusia yang seimbang dan bersepadu dari segi jasmani dan rohani (Tajul Ariffin, 1993). Dalam proses untuk mendidik manusia, kurikulum PTV perlulah terdiri daripada dua kesinambungan utama iaitu asas pembangunan diri dan akhlak bagi menjamin pengurusan diri dan yang kedua asas pembangunan keterampilan iaitu melalui kaedah saintifik, teknikal, dan kemahiran.

Manusia bersifat baru dan lebih cenderung melakukan pembaharuan (Sidek, 2006). Oleh itu, prinsip rekabentuk kurikulum yang universal seharusnya tidak menolak kepentingan sesuatu yang baru. Faktor luaran kurikulum universal sama ada yang lahir dari akal, budaya

atau tradisi lain, selagi ia dilihat dalam konteks bermanfaat dan tidak bercanggah dengan kaedah syarak perlu digunakan secara bijaksana. Usaha manusia melakukan perubahan daripada perkara yang baru sebenarnya tidak menyanggahi fitrah kerana setiap kejadian mempunyai hikmah di sebaliknya. Setiap hikmah yang ditemui membayangkan kebesaran Pencipta dalam menjadikan alam yang terdiri daripada kepelbagaian nikmat yang tidak terhitung dan berguna kepada manusia.

Proses mendidik manusia bukan hanya tertumpu kepada pembangunan akal sahaja tetapi perlu membangunkan hati, jiwa dan menyuburkan jasmani seluruhnya (Sidek, 2006). Pendekatan ini penting bagi memastikan PTV mampu menghasilkan manusia yang berperibadi seimbang dan harmoni serta mampu mengadaptasi segala tuntutan globalisasi dan kehendak masyarakat. Berdasarkan kepada hakikat ini, maka rekabentuk universal kurikulum PTV (Rajah 4.1) seharusnya dijadikan sebagai wadah untuk membangkitkan semula kecemerlangan institusi pendidikan khususnya Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia.



**Rajah 4.1** Kitaran pembinaan diri dan tamadun manusia melalui penerapan kurikulum universal dalam PTV (diubahsuai daripada Model Edaran Semua oleh Tajul Ariffin, 1993)

Berdasarkan kepada Rajah 4.1, pelaksanaan kurikulum dalam sistem kurikulum PTV yang universal perlu menggalakkan kemajuan pembangunan kemanusiaan di samping menekankan aspek kerohanian yang akan membawa manusia kembali kepada Penciptanya. Penerapan asas sebegini seharusnya mampu untuk mewujudkan keseimbangan antara pembangunan pemodenan dengan pembangunan kerohanian. Sepertimana yang disarankan oleh Tajul Ariffin (1993), proses pencarian ilmu dalam kurikulum universal adalah satu proses

yang berterusan dan perlu dikembangkan atas potensi intelek manusia bagi membentuk kaedah berfikir secara logik untuk lebih mendekati Pencipta.

Ilmu pengetahuan yang diperolehi secara teori, praktikal dan latihan kemahiran diaplikasikan untuk memahami keseimbangan alam menerusi hukum Pencipta dan fitrah manusia. Dalam pengisian kurikulum universal, kebebasan diberi kepada manusia untuk menggunakan daya berfikir, kreativiti dan usaha untuk membina kegemilangan tamadun yang bertunjangan kepada kesepaduan antara ilmu, iman dan amal (Imam Ghazali, 1980). Kemudian, proses pencarian ilmu perlu kembali kepada hakikatnya iaitu dengan mewujudkan kesyukuran dan kecintaan kepada Pencipta yang seterusnya membawa manusia untuk memahami tujuan penciptaannya. Sistem kurikulum sebegini seharusnya dilihat sebagai laluan untuk membebaskan masyarakat Malaysia daripada petunjuk pendidikan Barat dan kembali kepada bertunjangan kepada falsafah ketuhanan.

Proses pendidikan berdasarkan kepada kurikulum universal ini meletakkan empat prinsip utama seperti yang disarankan oleh Al Faruqi (Ibrahim, 2006) untuk dijadikan sebagai asas metodologi implimentasinya.

1. Kesatuan Tuhan

Merupakan prinsip utama dalam rekabentuk universal PTV yang mengakui Tuhan yang satu serta pencipta manusia dan alam. Setiap amalan dalam pengajaran, pembelajaran, latihan kemahiran dan penilaian dilaksanakan ikhlas kepada Tuhan.

2. Kesatuan Kejadian

Mengakui segala kejadian bermula daripada Tuhan dan mesti diakhiri dengan kembali manusia kepada Tuhan. Sistem yang wujud adalah berlandaskan kepada susun atur yang ditadbir Tuhan.

3. Kesatuan Kehidupan

Berdasarkan kepada dua hukum alam iaitu fitrah yang tidak boleh diubah dan tindakan atas pilihan manusia. Kurikulum universal PTV akan menjalinkan secara harmoni ilmu kemanusiaan yang berdasarkan kepada intelek dengan rangkaian epistemologi kebenaran.

4. Kesatuan Kemanusiaan

Setiap manusia adalah sama di sisi Tuhan, melainkan amalan manusia. Rekabentuk kurikulum PTV yang universal tidak menjadikan perbezaan agama, budaya dan bangsa sebagai ukuran dalam penilaian namun, keutamaan diberikan dalam pembentukan akhlak dan etika kerja yang unggul.

Daripada perspektif kurikulum universal, semua jenis ilmu iaitu ilmu ketuhanan, kemanusiaan, sains dan teknologi adalah penting untuk kesejahteraan manusia. Namun, setiap daripada subjek yang diajar menurut Tajul Ariffin (1993) perlulah menggambarkan kesepaduan di antara Pencipta dengan manusia, dan dengan alam sekitar. Dalam pendidikan, metodologi pengajaran ilmu juga merupakan komponen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan kurikulum. Jika dilihat daripada perspektif PTV, keperluan pengajaran bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian ilmu sahaja, tetapi perlu mendidik pelajar melalui nilai teladan. Pendidikan yang berkonsepkan kepada kurikulum universal perlu berpaksikan konsep penghayatan dalam pembelajaran. Sebagai contoh, dalam proses pengajaran subjek Kejuruteraan Awam, kandungan subjek tersebut perlulah dijalinan nilai universal yang membolehkan pelajar melihat semua benda atau rekaan adalah amanah daripada Tuhan dan mestilah digunakan sebaiknya dalam proses mengharmonikan alam.

## **Kesimpulan**

Kurikulum yang bersifat universal tidak menolak kemajuan dan perubahan selagi asas perlaksanaannya berdiri di atas fitrah yang benar dan mampu mengukuhkan konsep nilai sejagat terhadap pembentukan masyarakatnya. Kurikulum PTV perlu dipastikan berasaskan kepada nilai murni, luhur dan kukuh supaya mampu meletakkan masyarakat Malaysia di mercu kejayaan dan kemuliaan. Rancangan yang teliti dan menyeluruh perlu diimplimentasikan agar PTV mampu memainkan peranan sebagai penghubung manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, serta manusia dengan persekitarannya. Semua pihak yang terlibat dalam pendidikan perlu berusaha secara kolektif dan bersepadu agar pembinaan kurikulum PTV sebagai pemacu proses pencarian kebenaran melalui penerapan aplikasi ilmu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

## Rujukan

Abdullah (2009). Jurnal Pendidikan: Aspirasi Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.

Hassan Langgulung (1991). Asas-asas Pendidikan Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Khurshid Ahmad (1974). Prinsip-prinsip Pendidikan Islam. Penerbit Angkatan Belia Islam Malaysia. Kuala Lumpur.

Imam Ghazali (1980). Ihya Ulumiddin (Jiwa Agama). Terjemahan Menara Kudus, Inonesia. Jurnal Pendidikan, Mei 1987. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim Ragab (2006). The Methodology of Islamizing Human Science. Research Centre Institut Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2005 dalam Abdullah (2009). Artikel Aspirasi Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.

Mohamed Rashid Navi Bax (2002). Technical Vocational Education, Polytechnics, and Community Colleges. The Malaysian Educational Odyssey, Oxford Fajar Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan

Mustapar Muhamad dan Ahmad Tajudin Jab (2007). Integrating TVE in the Malaysian Education System. Department of Technical Education, Ministry of Education Malaysia.

Muhammad Syukri Saleh (2002). Pembangunan Berteraskan Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Sharil @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Sidek Baba (2006). Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia. Karya Bestari Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.

Transformasi Pendidikan Voctech-BPTV. KPM(2010). Edaran Dr. Mohd. Safarin Bin Nordin.  
Kuala Lumpur.

Wan Mohd Daud (2005). Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam menurut Syed Naquib Al Attas:  
Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur

Wan Ahmad, W.S. (2007). 'To Inculcate Training Culture Amongst Malaysian Industry through  
National Dual Training System (NDTS).